

18 OCT 1998

Mohamed-BN

KOMPONEN BN DIMINTA TENTUKAN MAJORITI BESAR KEKAL

JOHOR BAHRU, 18 Okt (Bernama) -- Semua komponen Barisan Nasional diminta membentuk dan menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing dari sekarang untuk menentukan majoriti besar yang ada sekarang tidak merosot.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata bahawa lazimnya selepas menang besar dalam pilihan raya umum 1995, majoriti itu akan berkurangan "tetapi ia tidaklah sampai ke peringkat kerajaan BN akan kalah".

Oleh itu, beliau berharap semua komponen BN akan berada dalam keadaan kemaskini dan menyelesaikan seberapa segera masalah dalaman yang ada selain mengelak pertentangan pendapat terutamanya soal kerusi dan calon.

"Kalau ini dapat dibuat daripada sekarang, rakyat akan terima kita dengan lebih besar lagi pada masa akan datang. Saya yakin kerajaan yang ada akan dikekalkan dan rakyat akan terus memberi sokongan," katanya kepada pemberita di sini.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata bahawa berdasarkan kepada ramalan DAP, pembangkang boleh meningkatkan jumlah kerusi dalam parlimen sampai 70 tetapi parti itu juga mengakui mustahil untuk mengalahkan BN.

Mohamed berkata matlamat parti pembangkang ialah untuk mengurangkan majoriti dua pertiga BN tetapi ia hanya satu impian.

"Walaupun terdapat masalah politik di negara ini pada masa ini, namun kedudukan Umno tetap baik," katanya.

Mohamed berkata usaha mendekati dan memberi penerangan kepada rakyat perlu dipertingkatkan oleh semua parti komponen BN, terutamanya Umno.

"Umno masih kukuh dan kedudukan parti komponen juga masih kukuh. Kita fikir masalah yang dihadapi negara daripada segi politik sekarang akan reda," katanya.

Mohamed berkata parti komponen BN telah beberapa kali menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap sebarang tindakannya selaku Pengerusi BN.

-- BERNAMA

MKO MAI